

PERMOHONAN SEMAKAN SEMULA KEPUTUSAN KEDAULATAN BATU PUTEH

Info Lokasi Pedra Branca/ Batu Puteh



- ⊙ Lokasi: Laut China Selatan
- ⊙ Panjang: 137 meter
- ⊙ Lebar: 60 meter
- ⊙ Keluasan: 8,560 meter persegi
- ⊙ 44 kilometer di timur Singapura
- ⊙ 14.3 kilometer di selatan Johor
- ⊙ 14.1 kilometer di utara Bintan, Indonesia

'Kegagalan temui fakta bukan kerana kecuaiannya'

Singapura: Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ) mengesahkan penemuan fakta baharu yang mendorong Malaysia memohon semakan semula keputusannya berhubung Pedra Branca (Batu Puteh) pada 2008.

Fakta baharu itu merujuk kepada tiga dokumen yang ditemukan di Arkib Negara United Kingdom (UK) selepas ia dijadikan dokumen umum.

Dalam siaran media melalui laman sesawangnya, kelmarin, ICJ berkata dokumen itu termasuk surat menyurat dalaman pihak berkuasa tanah jajahan Singapura pada 1958, laporan satu kejadian yang difailkan seorang pegawai tentera laut Britain pada 1958 dan satu peta berserta catatan mengenai operasi tentera laut dari tahun 1960-an.

Dokumen berkenaan ditemukan di Arkib Negara UK antara 4 Ogos 2016 hingga 30 Januari lalu, katanya.

Bentang fakta baharu

Menurut ICJ, Malaysia mendakwa dokumen itu membentangkan fakta baharu bahawa pegawai peringkat tertinggi dalam pentadbiran tanah jajahan Britain dan Singapura memperakukan bahawa Batu Puteh tidak menjadi sebahagian daripada wilayah berdaulat Singapura dalam tempoh berkenaan.

"Malaysia menegaskan bahawa mahkamah itu pasti mencapai kesimpulan berbeza mengenai persoalan kedaulatan Pedra Branca/Batu Puteh sekiranya ia dimaklumkan tentang wujudnya bukti baharu ini," katanya.

ICJ berkata, merujuk kepada syarat lain berhubung Perkara 61, Malaysia juga menegaskan fakta itu tidak diketahui Malaysia atau mahkamah ketika penghakiman diumumkan kerana ia hanya ditemukan ketika menyemak kembali fail setelah arkib itu mendedahkan kepada umum selepas penghakiman diumumkan pada 2008.

Dokumen sulit

"Malaysia juga berhujah bahawa kegagalannya menyedari kewujudan fakta baharu itu bukanlah disebabkan kecuaiannya, tetapi kerana ia adalah dokumen sulit yang tidak boleh dicapai pihak awam (ketika itu), sehinggalah ia dikeluarkan Arkib Negara UK," katanya.

ICJ berkata, Malaysia juga menegaskan permohonannya adalah sejajar dengan peruntukan Statut berkaitan tempoh masa permohonan ditetapkan, iaitu enam bulan selepas penemuan fakta baharu yang diperolehi pada atau selepas 4 Ogos 2016.

Tiga bukti penemuan buka lembaran baharu

Dokumen dari Arkib Negara UK sokong permohonan semakan

Oleh Khirul Bahri Basaruddin kirull@bhnews.com.my

Kuala Lumpur

Malaysia mengemukakan tiga dokumen yang diperolehi dari Arkib Negara United Kingdom (UK), sebagai fakta baharu menyokong permohonan semakan semula keputusan berkaitan kedaulatan Batu Puteh.

Penemuan tiga dokumen sejak 4 Ogos 2016 hingga 30 Januari lalu itu membuka lembaran baharu kepada Malaysia untuk mengemukakan permohonan semakan berdasarkan peruntukan Perkara 61, Statut Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ).

Malaysia memfailkan permohonan itu di ICJ, The Hague, Belanda pada 2 Februari lalu, dan butiran permohonan itu boleh diakses orang awam di laman web ICJ.

Dalam permohonannya, Malaysia menegaskan fakta baharu itu adalah urusan surat menyurat dalaman pihak berkuasa penjajah Singapura

pada tahun 1958; laporan kejadian oleh pegawai angkatan tentera laut British yang difailkan pada tahun 1958 dan peta beranotasi operasi tentera laut dari tahun 1960-an.

Bukan wilayah Singapura

Katanya, dalam dokumen itu menunjukkan pegawai tertinggi pejabat penjajah British dan pentadbiran Singapura menggunakan tetapan Batu Puteh bukan sebahagian wilayah kedaulatan Singapura dalam urusan surat menyurat dalam tempoh 1958-1960-an.

Malaysia mendakwa, dokumen berkenaan membuktikan fakta baharu yang menyebut; officials at the highest levels in the British colonial and Singaporean administration appreciated that Pedra Branca/Batu Puteh did not form part of Singapore's sovereign territory during the relevant period. (Pegawai-pegawai tertinggi pejabat penjajah British dan pentadbiran Singapura menggunakan tetapan bahawa Pedra Branca/Batu Puteh bukanlah sebahagian daripada wilayah kedaulatan Singapura pada tempoh berkaitan).

Sehubungan itu, Malaysia menegaskan ICJ akan mencapai keputusan berbeza mengenai persoalan kedaulatan Batu Puteh jika mahkamah berkenaan mengetahui mengenai bukti baharu berkenaan.

"Berhubung dengan peruntukan Perkara 61 Statut ICJ, Malaysia menegaskan fakta baharu itu tidak diketahui oleh Malaysia atau mahkamah ketika keputusan dibuat kerana "fakta itu hanya ditemui ketika menyemak fail arkib Pejabat Pentadbiran

Kolonial British selepas dokumen berkenaan dibuka untuk kegunaan awam oleh Arkib Negara UK selepas penghakiman dibuat pada 2008.

"Malaysia juga berpendirian pihaknya yang tidak mengetahui kewujudan fakta baharu itu, bukan disebabkan oleh kecuaiannya kerana dokumen berkenaan adalah dokumen rahsia yang tidak boleh diakses oleh orang awam selagi tidak dijadikan dokumen awam oleh Arkib Negara UK," katanya.

Memenuhi tempoh diperuntukkan

Malaysia berkata, permohonan itu juga memenuhi tempoh yang diperuntukkan oleh Statut, iaitu memfailkan permohonan dalam tempoh enam bulan selepas penemuan fakta baharu pada atau selepas 4 Ogos 2016.

Selain itu permohonan semakan juga dikemukakan sebelum tamat tarikh tempoh 10 tahun dari tarikh penghakiman pada 23 Mei 2008, juga seperti ditetapkan Statut itu.

Berikutan itu, Malaysia memohon kepada ICJ untuk memutuskan dan mengisytiharkan bahawa permohonan semakan semula keputusan 2008 boleh diterima sekali gus memohon supaya mahkamah menetapkan tempoh masa untuk mendengar merit permohonannya.

Kelmarin, Peguam Negara, Tan Sri Mohamed Apandi Ali, berkata Malaysia memfailkan permohonan semakan semula penghakiman ICJ berhubung tuntutan Batu Puteh, Batuan Tengah dan Tubir Selatan.



Keputusan ICJ 2008

- Singapura mempunyai kedaulatan ke atas Batu Puteh
- Hak kedaulatan Batuan Tengah diberikan kepada Malaysia
- Tubir Selatan menjadi milik negara di perairan di mana pulau itu terletak
- Lokasi Batu Puteh Terletak 7.7 batu nautika dari pantai Tanjung Penyusuh, Johor.